

# Ringkasan Perlindungan OSHC Komprehensif.

Berikut adalah ringkasan perkhidmatan dan rawatan yang kami bayar manfaat untuk perlindungan anda. Sila baca dan simpan di tempat yang selamat untuk rujukan di masa hadapan. Untuk maklumat lanjut mengenai perlindungan hospital anda, sila rujuk Panduan Ahli Medibank OSHC anda atau hubungi kami di **134 148**.

## Perlindungan hospital.

Perlindungan hospital dapat membayar untuk perkhidmatan yang anda terima apabila anda dimasukkan ke hospital dan dirawat sebagai pesakit swasta.

Berikut adalah perkhidmatan hospital yang Disertakan atau Dikecualikan di bawah perlindungan anda.

Anda mungkin masih perlu menanggung sendiri perbelanjaan yang melebihi jumlah yang kami bayar. Sebelum menempah rawatan anda, hubungi kami untuk mengetahui manfaat yang bakal anda terima dan apa-apa perbelanjaan yang mungkin perlu ditanggung sendiri.

Perkhidmatan yang Disertakan atau Dikecualikan	
Pemulihan	✓
Perkhidmatan psikiatri hospital	✓
Penjagaan paliatif	✓
Otak dan sistem saraf	✓
Mata (bukan katarak)	✓
Telinga, hidung dan tekak	✓
Tonsil, adenoid dan gromet	✓
Tulang, sendi dan otot	✓
Pembentukan semula sendi	✓
Buah pinggang dan pundi kencing	✓
Sistem reproduktif lelaki	✓
Sistem penghadaman	✓
Hernia dan apendiks	✓
Endoskopi gastrousus	✓
Ginekologi	✓
Keguguran dan penamatan kehamilan	✓
Kemoterapi, radioterapi dan imunoterapi untuk kanser*	✓
Pengurusan kesakitan	✓
Kulit	✓
Pembedahan payudara (diperlukan untuk tujuan perubatan)	✓
Pengurusan diabetes (tidak termasuk pam insulin)	✓
Jantung dan sistem vaskular	✓
Paru-paru dan dada	✓
Darah	✓
Belakang, leher dan tulang belakang	✓
Pembedahan plastik dan pembentukan semula (diperlukan secara perubatan)	✓
Pembedahan pergigian <sup>^</sup>	✓
Pembedahan podiatrik (dikendalikan oleh pakar bedah podiatrik berdaftar) <sup>+</sup>	✓
Implantasi alat pendengaran	✓
Katarak	✓
Penggantian sendi	✓
Dialisis untuk kegagalan buah pinggang kronik	✓
Kehamilan dan kelahiran	✓
Perkhidmatan bantuan reproduktif	✗
Pembedahan penurunan berat badan	✓
Pam insulin	✓
Pengurusan kesakitan dengan peranti	✓
Kajian tidur	✓

## Apakah maksudnya?

### ✓ Perkhidmatan yang Disertakan

Manfaat akan dibayar untuk penginapan hospital semalaman dan penginapan pada hari yang sama, rawatan rapi dan perkhidmatan perubatan berdasarkan manfaat yang akan dibayar oleh Medicare.

### ✗ Perkhidmatan yang Dikecualikan

Perkhidmatan yang Dikecualikan adalah perkhidmatan yang tidak akan dibayar manfaat, termasuk penginapan hospital atau perkhidmatan perubatan.

### Perkhidmatan Biasa dan Sokongan

Terdapat beberapa item dalam Jadual Manfaat Medicare (Medicare Benefits Schedule - MBS) yang akan turut sama dimasukkan sebagai perkhidmatan sokongan di bawah perlindungan ini, tertakluk kepada kelayakan manfaat untuk pembayaran. Ini mungkin termasuk item seperti perundingan di hospital dan sesetengah imbasan, ujian dan anestetik yang berkaitan dengan kemasukan anda ke hospital.

### Perkhidmatan ambulans

Kos perkhidmatan ambulans kecemasan tanpa had di seluruh Australia akan ditanggung sepenuhnya (100%) oleh kami. Ini termasuk pengangkutan ambulans ke hospital di mana perhatian pakar perubatan diperlukan segera, dan keadaan perubatan anda menyebabkan anda tidak dapat dibawa dengan cara lain selain menggunakan ambulans.

### Jabatan kemalangan dan kecemasan

Sekiranya anda perlu hadir ke jabatan kemalangan dan kecemasan di hospital awam atau swasta, 100% daripada 'yuran kemudahan' yang dikenakan oleh hospital, sama ada anda dimasukkan ke wad atau tidak, akan dibayar.

Yuran tersebut mungkin tidak merangkumi semua perkhidmatan perubatan yang diberikan dan perbelanjaan tambahan seperti sinar-x, ujian darah, serta sebarang caj yang dikenakan oleh doktor melebihi manfaat yang kami bayar mungkin perlu ditanggung sendiri.

Perlindungan hospital tidak akan membayar rawatan kosmetik yang tidak diperlukan dari segi perubatan. Di bawah perlindungan anda, manfaat yang terhad akan dibayar untuk item farmaseutikal. Sekiranya anda memerlukan ubat-ubatan yang mahal, seperti yang digunakan dalam onkologi (rawatan kanser), anda mungkin akan menghadapi perbelanjaan atau kos yang tinggi yang perlu ditanggung sendiri.

\* Kos pembedahan berkaitan kanser akan dibayar, tertakluk kepada perkhidmatan yang disenaraikan dalam perlindungan hospital anda.

<sup>^</sup> Untuk pembedahan pergigian yang dilakukan oleh doktor gigi dan bukan doktor perubatan, manfaat hanya akan dibayar untuk caj hospital. Sekiranya pembedahan dilakukan oleh doktor perubatan dan anda dibilkan dengan nombor MBS, manfaat hanya akan dibayar untuk caj hospital dan perubatan.

<sup>+</sup> Bagi pembedahan Podiatrik, manfaat hanya akan dibayar untuk caj hospital. Tiada item MBS yang disediakan untuk pembedahan podiatri. Ini juga bermaksud, tiada manfaat akan dibayar untuk yuran pakar bedah podiatrik di bawah perlindungan Hospital dan ini mungkin akan melibatkan kos yang tinggi yang perlu ditanggung sendiri.

## Perlindungan perubatan.

Manfaat dalam perlindungan anda merangkumi perkhidmatan perubatan yang disediakan oleh doktor, yang tersenarai dalam Jadual Manfaat Medicare kerajaan (Medicare Benefits Schedule - MBS). MBS adalah senarai perkhidmatan perubatan dan yuran yang berkaitan.

### Untuk perkhidmatan yang Disertakan

<b>Kami membayar 100% yuran MBS untuk:</b>	Perkhidmatan perubatan di hospital yang termasuk dalam perkhidmatan yang Disertakan (contohnya, yuran pakar bedah dan pakar bius).
	Rundingan doktor perubatan umum.
<b>Kami membayar 85% daripada yuran MBS untuk:</b>	Perkhidmatan perubatan lain yang disediakan di luar hospital (contohnya, pakar, patologi dan sinar-x), kecuali untuk Perkhidmatan bantuan reproduktif.
	Perkhidmatan Kesihatan Bersekutu yang dibilkan dengan nombor item MBS (contohnya, pemeriksaan mata dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelan pengurusan penyakit kronik dan kesihatan mental).

Anda mesti membayar sebarang perbezaan antara manfaat yang kami bayar dan yuran sebenar yang dikenakan oleh doktor.

## Ubat preskripsi (farmaseutikal).

OSHC Komprehensif menyediakan manfaat bagi kos ubat-ubatan preskripsi yang layak. Anda akan dikehendaki membayar caruman untuk kos setiap ubat preskripsi yang layak sebelum apa-apa manfaat dibayar.

### Untuk ubat-ubatan preskripsi yang layak

<b>Caruman ahli</b>	\$30
<b>Jumlah yang akan kami bayar (maksimum bagi setiap item)</b>	100% daripada kos
<b>Had tahunan - Keahlian tunggal</b>	\$1,000
<b>Had tahunan - Keahlian Pasangan/ Keluarga</b>	\$1,000 setiap ahli / \$2,000 setiap keahlian

- Sekiranya kos untuk ubat preskripsi adalah lebih tinggi daripada manfaat yang kami bayar, anda mesti membayar perbezaannya.
- Manfaat akan dibayar untuk ubat-ubatan preskripsi yang diberikan oleh doktor (doktor perubatan am atau pakar) untuk merawat penyakit, kecederaan atau masalah tertentu.
- Manfaat tidak akan dibayar untuk ubat-ubatan yang diberikan untuk tujuan mencegah kehamilan, tujuan kosmetik atau bagi ubat-ubatan preskripsi yang berkaitan dengan perkhidmatan yang Dikecualikan dalam perlindungan anda.

Ia adalah penting untuk diingat bahawa anda mungkin akan menanggung perbelanjaan tambahan yang besar jika anda memerlukan rawatan yang melibatkan ubat-ubatan kos tinggi (contohnya, rawatan kanser).

## Dengan OSHC Komprehensif, anda boleh menikmati ciri-ciri dan perkhidmatan tambahan untuk memberi sedikit sokongan ekstra.

### Sokongan kesihatan mental

Perlindungan anda merangkumi manfaat untuk perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang diperuntukkan oleh penyedia perkhidmatan yang diiktiraf dan dibilkan secara persendirian (ini bermaksud, tanpa nombor item MBS).

	Psikologi	Kaunseling
Jumlah yang akan kami bayar (maksimum bagi setiap rundingan)	\$100	\$70
Had tahunan - Keahlian tunggal	\$200	
Had tahunan - Keahlian Pasangan/Keluarga	\$400	

Sila rujuk 'Perlindungan perubatan' halaman 2 untuk mengetahui cara kami membayar perkhidmatan kesihatan mental yang dibilkan dengan nombor item MBS (seperti yang terkandung dalam pelan pengurusan kesihatan mental).

### Hantar pulang

Sekiranya anda atau mana-mana individu yang termasuk dalam keahlian anda mengalami kecederaan atau masalah perubatan yang serius, (seperti yang ditentukan oleh pihak kami) dan perlu kembali ke negara asal, kos perjalanan apabila ianya wajar, dengan bantuan perubatan yang sesuai boleh diatur dan dibayar oleh kami (sehingga had maksimum \$100,000).

Sekiranya berlaku kematian, kos penghantaran pulang jenazah anda ke negara asal atau untuk sesiapa yang tertera dalam keahlian anda akan dibayar dan ditanggung oleh kami sehingga had maksimum \$10,000.

Sebarang manfaat yang diberikan untuk penghantaran pulang akan ditentukan mengikut budi bicara kami dan hanya akan dibayar sekali seumur hidup bagi setiap ahli.

Tempoh menunggu selama 12 bulan hanya akan dikenakan untuk penghantaran pulang ahli yang sakit atau cedera untuk:

- Masalah kesihatan sedia ada
- Kehamilan dan kelahiran.

Ini akan dikecualikan sekiranya doktor perubatan memperakui, dan kami bersetuju, bahawa anda memerlukan Rawatan Kecemasan.

Tertakluk kepada syarat, hubungi kami di 134 148 untuk maklumat lanjut.

### Manfaat untuk keluarga di hospital (yuran penumpang)

Sekiranya anda atau mana-mana ahli dalam keahlian anda dimasukkan ke hospital bagi perkhidmatan yang Disertakan dalam perlindungan anda, dan pasangan, ahli keluarga terdekat, penjaga atau waris ('pengiring') perlu menginap di hospital bersama mereka, sebahagian daripada kos penginapan dan makanan yang disediakan oleh hospital kepada pengiring tersebut akan ditanggung oleh kami, sehingga \$150 bagi setiap kemasukan.

(bersambung ke halaman berikutnya)

## ? Perkara yang perlu diketahui tentang OSHC anda

### Had tahunan

Had tahunan adalah jumlah manfaat maksimum yang boleh dibayar kepada setiap ahli dan/atau setiap keahlian, dalam satu tahun kalendar (1 Januari hingga 31 Disember).

### Tempoh menunggu

Tempoh menunggu akan dikenakan apabila anda menjadi ahli Medibank, atau menukar perlindungan pelan anda untuk memasukkan perkhidmatan baharu atau menukar pelan anda kepada yang lebih baik. Manfaat tidak akan dibayar untuk item yang digunakan atau perkhidmatan yang diterima dalam tempoh menunggu.

### Beralih daripada syarikat insurans kesihatan yang lain?

Anda mungkin tidak perlu menjalani tempoh menunggu semula jika anda menjadi ahli OSHC Komprehensif dalam tempoh dua bulan selepas meninggalkan insurans kesihatan Australia anda yang sebelumnya, dan anda telah menyelesaikan tempoh menunggu untuk perkhidmatan tersebut.

Tempoh menunggu	
Tiada	Perkhidmatan ambulans.
	Perkhidmatan perubatan di luar hospital (cth. perundingan doktor perubatan).
	Ubat-ubatan preskripsi.
	Perkhidmatan sokongan kesihatan mental.
	Perkhidmatan psikiatri hospital (termasuk keadaan yang telah ada sebelumnya)
	Rawatan untuk keadaan yang memerlukan kemasukan ke hospital yang tidak dianggap sebagai masalah perubatan yang sedia ada.
12 bulan	<b>Masalah kesihatan sedia ada</b> Penyakit, keadaan atau masalah kesihatan yang, menurut pandangan doktor perubatan yang kami lantik, tanda atau gejalanya telah wujud pada bila-bila masa dalam tempoh enam bulan sebelum hari anda memperoleh perlindungan di bawah OSHC Komprehensif.
	Kehamilan dan kelahiran.

### Pengecualian Tempoh Menunggu Rawatan Kecemasan

Manfaat tidak akan dibayar untuk apa-apa perkhidmatan atau item yang diperoleh semasa anda dalam tempoh menunggu. Walau bagaimanapun, anda tidak perlu menjalani tempoh menunggu sekiranya doktor perubatan yang merawat anda mengesahkan, dan kami bersetuju, bahawa anda memerlukan Rawatan Kecemasan.

(bersambung ke halaman berikutnya)

## **Memanfaatkan OSHC anda sepenuhnya.**

### **Memilih hospital**

Kami mempunyai hubungan dengan hampir semua hospital swasta dan pusat pembedahan harian di Australia - ini dikenali sebagai Members' Choice hospitals. Untuk perkhidmatan yang Disertakan di hospital Members' Choice, manfaat akan dibayar untuk penginapan hospital semalaman, penginapan hari yang sama di bilik berkongsi atau persendirian, rawatan rapi, yuran bilik bedah dan yuran wad bersalin. Anda biasanya akan mendapat nilai yang lebih baik jika anda mengunjungi salah satu daripada pembekal perkhidmatan yang disenaraikan.

Untuk mencari hospital Members' Choice yang terdekat, layari [medibankoshc.com.au/find-provider](http://medibankoshc.com.au/find-provider). Hospital Members' Choice adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan tidak terdapat di semua kawasan.

Untuk perkhidmatan yang Disertakan dalam perlindungan anda, sekiranya anda dirawat di hospital swasta yang bukan Members' Choice, secara umumnya, manfaat yang lebih rendah akan dibayar oleh kami dan ini mungkin melibatkan kos yang tinggi yang perlu ditanggung sendiri.

Apabila anda dirawat sebagai pesakit swasta di hospital awam untuk perkhidmatan yang Disertakan, manfaat akan dibayar oleh kami untuk penginapan hospital semalaman dan penginapan hari yang sama di bilik berkongsi atau persendirian, rawatan rapi, yuran bilik bedah dan yuran wad bersalin. Sekiranya anda menginap di bilik persendirian di hospital awam, jumlah tambahan untuk penginapan tersebut mungkin akan ditanggung oleh kami, namun pihak hospital masih boleh mengenakan bayaran yang perlu ditanggung sendiri.

Manfaat akan dibayar untuk yuran kemudahan jabatan kecemasan hospital awam atau swasta, serta manfaat untuk perkhidmatan perubatan yang diterima di jabatan kecemasan atau pesakit luar juga akan dibayar.

### **Peranti perubatan dan produk tisu manusia**

Untuk perkhidmatan yang Disertakan, manfaat minimum akan dibayar seperti mana yang disenaraikan dalam Senarai Peranti Perubatan dan Produk Tisu Manusia yang Ditetapkan oleh kerajaan Australia.

### **Pilihan doktor atau pakar yang merawat**

Anda boleh memilih doktor atau pakar anda semasa anda dirawat di hospital sebagai pesakit swasta.

### **Talian 24/7 bagi Kesihatan dan Sokongan Pelajar**

Perlukan bantuan tambahan? Anda boleh menghubungi 1800 006 745 pada bila-bila masa, siang atau malam<sup>^</sup>, untuk mendapatkan nasihat kesihatan daripada jururawat berdaftar, perkhidmatan kaunseling, nasihat undang-undang kecemasan, bantuan dokumen perjalanan, perkhidmatan jurubahasa, dan banyak lagi.

Urus akaun anda dalam talian dengan Online Member Services (OMS)

Anda boleh mengurus keahlian anda dalam talian dengan mudah di OMS Medibank OSHC.

Anda boleh mengemukakan tuntutan insurans untuk kebanyakan perkhidmatan perubatan, melihat dan mengemas kini butiran keahlian, melihat sejarah tuntutan, memperbaharui perlindungan anda, mencari doktor perubatan Direct Billing atau hospital Members' Choice, dan banyak lagi.

Apa yang terbaik ialah anda hanya memerlukan dua minit untuk mendaftar OMS di [medibankoshc.com.au](http://medibankoshc.com.au)

### **Aplikasi Medibank OSHC**

Direka untuk pelajar antarabangsa, aplikasi Medibank OSHC ini boleh membantu anda menguruskan keahlian Medibank OSHC anda.

- Semak butiran perlindungan anda
- Buat tuntutan untuk kebanyakan perkhidmatan perubatan
- Cari doktor Direct Billing (Pembayaran Terus) berdekatan
- Dapatkan rundingan dalam talian dengan doktor perubatan yang berkelayakan
- Akses kad keahlian digital Medibank anda
- Menterjemah beberapa ciri aplikasi ke dalam bahasa Cina yang mudah.

<sup>^</sup> Sesetengah perkhidmatan mungkin tidak tersedia 24/7 dan panggilan semula mungkin diperlukan.

## Hubungi kami terlebih dahulu.

### Sila hubungi kami

Jika boleh, sebelum membuat tempahan atau menerima rawatan, anda harus menghubungi kami untuk bertanya tentang manfaat yang boleh anda terima dan sebarang kos tambahan yang mungkin perlu ditanggung oleh anda.

Adalah penting untuk mengesahkan sebarang perbelanjaan tambahan dengan pihak hospital dan doktor anda (termasuk pakar bedah, pakar bedah pembantu, dan pakar bius) sebelum kemasukan.

## Maklumat penting.


Sekiranya anda mendapat akses kepada kelayakan Medicare penuh atau status visa anda berubah pada bila-bila masa (contohnya, anda diberikan status penduduk tetap atau visa Graduan Sementara 485), perlindungan ini mungkin tidak lagi sesuai untuk anda. Sila maklumkan kami di 134 148 jika keadaan anda berubah.

Ringkasan Perlindungan ini mungkin dikemas kini dari semasa ke semasa. Anda boleh memuat turun versi terkini daripada Perkhidmatan Ahli Dalam Talian (Online Member Services) anda di [medibankoshc.com.au](https://medibankoshc.com.au)

## Ketahui lebih lanjut.

 Hubungi **134 148 (+613 9862 1095)** dari luar Australia)

 Secara peribadi, di kedai Medibank tempatan anda

 WhatsApp **+61 3 9862 1345**

 Pemesejan web **[ahmoshc.com.au/contact-us](https://ahmoshc.com.au/contact-us)**

Maklumat ini adalah terkini pada Januari 2025 dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Ia hanya relevan untuk OSHC Komprehensif Medibank.

Sekiranya anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai perlindungan kami, sila hubungi kami di 134 148.

Polisi yang terkandung dalam produk ini berkaitan dengan Dana Manfaat Kesihatan yang disediakan oleh Medibank Private Limited.

Medibank Private Limited ABN 47 080 890 259